



MURID-MURID sebuah sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) di Sungai Nibong, Pulau Pinang menunggu arahan untuk menjawab soalan peperiksaan. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

## PPDUEC cabuli keadilan?

**L**APORAN Pasukan Petugas Dasar Sijil Peperiksaan Bersepadu (PPDUEC) yang belum diserahkan lagi perlu ditolak. Ini kerana cara pelantikan keanggotaannya bukan sahaja boleh dipertikai tetapi juga tidak memperlihatkan tindakan wajar selain pemikiran waras.

Salah seorang daripada tiga anggota PPDUEC yang dilantik terlibat dalam isu pengiktirafan UEC. Beliau merupakan kepimpinan tertinggi Dong Zong yang lantang memperjuangkan pendidikan aliran bahasa Cina termasuk pengiktirafan UEC. Semestinya beliau tidak boleh sesekali dilantik menganggotai PPDUEC.

Namun demikian, beliau masih dilantik atas dasar PPDUEC perlu mempunyai anggota daripada pihak bersahit. Oleh itu, PPDUEC bukan sahaja terdiri daripada pihak yang ada kaitan langsung malahan besar pula kepentingannya dalam isu pengiktirafan UEC.

Sebenarnya perkara sebegini tidak sepatutnya berlaku kalau kita betul-betul peka dan prihatin tentang keadilan, khususnya kebenaran dan nilai tidak berpihak. Dengan pelantikan anggota daripada Dong Zong, ia sengaja mahu



memasukkan pihak yang bukan sahaja mempunyai faedah terus dalam hal yang ingin diadili, bahkan seolah-olah mahu memastikan keputusan yang dibuat nanti akan benar-benar memihak kepadanya.

### TIDAK MAHU HADIR

Oleh itu, beberapa pihak yang diundang PPDUEC untuk berbicara tentang isu pengiktirafan UEC tidak mahu hadir. Mereka mendapati PPDUEC tidak ditubuhkan atas dasar keadilan yang paling asas, yakni keanggotaannya harus berkecuali, tidak memihak dan setara.

Untuk menolak laporan yang bakal diserahkan itu, kita tidak boleh menggunakan alasan PPDUEC yang dilantik kerajaan sebelum ini telah terbuang. Ini alasan yang tidak kuat signifikannya! Alasan lebih kuat untuk tidak menerimanya, walau apa sekali juga syornya adalah ia telah membelakangkan prinsip keadilan paling asas, iaitu tidak boleh sesekali

memasukkan mana-mana pihak yang nyata sekali akan berpihak dalam isu pengiktirafan UEC.

Dengan ini, PPDUEC mencabuli keadilan. Oleh itu, laporannya tidak sah. Kehadiran unsur berat sebelah dengan memasukkan pihak bersahit Dong Zong sudah cukup sebagai alasan kukuh untuk laporannya ditolak kerana mengandungi keputusan yang pastinya akan tidak berkecuali.

Untuk laporan PPDUEC diterima baik, ia perlu memanifestasikan keadilan terbeli yang tidak boleh disangkal sedikit pun. Malangnya ini tidak berlaku kerana PPDUEC langsung tidak membina persepsi yang ia berwibawa untuk diyakini.

Inilah sifat laporan PPDUEC yang perlu ditolak kerana mengandungi keputusan abitrari, yakni subjektif kerana berpihak, selain adanya partialiti, iaitu keadilan yang tidak seimbang. Semua ini adalah angkara keanggotaannya yang terdiri daripada pihak bersahit, yang pasti tidak dapat memperlihatkan akan adanya keadilan timbal dalam keputusan dibuat.

PROFESOR Datuk Dr. Teo Kok Seong  
Uluh Felo di Universiti Kebangsaan  
Malaysia dan Majlis Profesor Negara.